

## **KUTKM anjur seminar**

**Archival News | Berita Harian | 28/01/2003**

PELAJAR Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Komunikasi Dalam Organisasi bagi menerangkan kepentingan bidang komunikasi dalam kehidupan seharian, baru-baru ini.

Seminar itu dirasmikan Dekan Pusat Perkhidmatan Akademiknya, Prof Madya Dr Zulkepli Buang, yang mewakili Rektor kolej universiti itu.

Dalam ucapannya, beliau berkata kemahiran berkomunikasi adalah antara prasyarat untuk bersaing dengan ribuan graduan lain dalam usaha merebut tempat terbaik dalam pasaran kerja.

Walaupun pada dasarnya KUTKM berteraskan pendidikan teknikal, katanya, bidang komunikasi turut dititikberatkan kerana kebolehan berkomunikasi dengan baik akan membantu pelajar menghadapi cabaran dan arus pembangunan akan datang.

Sepanjang seminar sehari itu, dua kertas kerja dibentangkan, iaitu 'Komunikasi: Peranan Pemimpin Muda di Era Globalisasi' oleh Pegawai Khas Menteri Belia dan Sukan yang juga Pengurus Biro Pendidikan Pemuda Umno, Dr Adham Baba.

Sewaktu membentangkannya, Dr Adham menjelaskan kepentingan graduan sebagai generasi pelapis dan pemimpin masa depan mengetahui serta memahami erti globalisasi dan kaitannya dengan komunikasi.

(END) Source : Berita Harian